

UMS tambahan dua lagi sekolah baru

KOTA KINABALU, Isnin - Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menambah dua lagi sekolah baru, menjadikan jumlah keseluruhan sekolah yang ditawarkan kepada lima tahun ini, menerima 405 pelajar daripada 520 pelajar yang ditawarkan memasuki tahun satu bagi sesia 1996/97.

Menurut jurucakap di Pejabat Pendaftar UMS, para pelajar itu yang mendaftar di universiti itu kelmarin, kini mengikuti program suaikenal di kampus kampus sementara UMS di Menggatal.

Katanya, tapak kawasan sementara kampus itu yang sebelum ini menempatkan kampus cawangan bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), turut menempatkan kuliah dan asrama bagi pelajar Sekolah Sains dan Teknologi dan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Satu daripada sekolah itu, Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat adalah sekolah baru ditubuhkan tahun ini selain Pendidikan dan Pembangunan Sosial.

Manakala, kuliah bagi Sekolah Pendidikan

dan Pembangunan Sosial serta dua lagi sekolah yang menjadi perintis penubuhan UMS iaitu Perniagaan dan Ekonomi, serta Sains Sosial akan dijalankan di Komuniti Yayasan Sabah (KYS).

Kampus itu yang pernah menempatkan fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) dan Fakulti Sains Pembangunan (FSP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), diambil alih oleh UMS pada awal bulan lalu.

"Walaupun penubuhan sekolah baru itu beresesuaian rancangan UMS untuk menambah dua lagi sekolahnya dalam tempoh 1995 hingga 2001, tetapi kami menjangkakan dua lagi sekolah baru akan menyusul tahun depan, bergantung kelulusan daripada Kementerian Pendidikan," katanya.

Beliau berkata, program suai kenal pelajar baru UMS sesi 1996/97 akan berakhir pada 6 Jun depan dan majlis ikrar pelajar kelak akan dirasmikan oleh Pengerusi Majlis UMS, Tan Sri Haji Abdul Hamid Egeh.



SUMBANGAN...Biro Kebajikan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Tanjung Aru diketuai oleh Pengerusinya, Puan Azizah Ahmad menyampaikan sumbangan kepada kira-kira 70 orang penghuni Pusat Orang-orang Buta Tjawan.

Sumbangan tersebut disampaikan kepada wakil pertubuhan itu, Puan Celestine Lajinga, semasa rombongan itu mengadakan lawatan ke pusat tersebut baru-baru ini.